

23/09/1998

PM tidak mahu bincang keaiban Anwar: Sanusi

ALOR STAR, Selasa - Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid berpendapat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mahu menjelaskan terlalu banyak keaiban salah laku seks yang dilakukan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bagaimanapun, Sanusi berpendapat Perdana Menteri akan menjelaskan keaiban Anwar dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan, terutama apabila Dr Mahathir dan kerajaan diserang pelbagai fitnah.

Sanusi berkata, kerajaan yang diterajui Umno dan kepimpinan Dr Mahathir mampu menghadapi pelbagai masalah politik dengan menggunakan kaedah politik tetapi tidak akan berkompromi dalam soal keselamatan negara dan jenayah syariah.

Menurutnya, sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir mempunyai kuasa penuh untuk melantik atau memberhentikan perkhidmatan seseorang Menteri atau Timbalan Menteri.

"Kita boleh berdepan dengan masalah politik secara politik tetapi kita tidak boleh kompromi dalam soal keselamatan dan urusan jenayah agama.

"Umat Islam harus bertenang dan mengkaji dengan fikiran waras...yang penting ialah Islam dan bukannya tokoh tertentu.

"Kita bernasib baik kerana menganut Islam dan Islam akan tetap suci walaupun penganutnya boleh berubah-ubah tahap kesuciannya dari semasa ke semasa," katanya di sini, hari ini.

Sehubungan itu, katanya, naik turun seseorang pemimpin bukan bererti Islam juga akan menurun kerana Islam sentiasa membela nasib umat dan bukannya umat yang membela nasib Islam.

Mengenai pengakuan adik angkat Anwar, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja dan rakan Anwar, Dr Munawar Ahmad Anees membenarkan Anwar meliwat mereka, Sanusi berkata, ia membuktikan bahawa tiada konspirasi (yang didakwa oleh Anwar) untuk menjatuhkan bekas Timbalan Presiden Umno itu.

"Mereka hadir di mahkamah untuk mengaku salah dan Dr Munawar bukan setakat bertaubat, malah tolak peguam yang diminta oleh Anwar," katanya.

Sanusi berkata, tempoh singkat bagi membicarakan mereka di mahkamah tidak harus dijadikan alasan wujud konspirasi menjatuhkan Anwar kerana kehadiran mereka di mahkamah bukan untuk menafikan dakwaan, tetapi membuat pengakuan.

(END)